



NOTIS

PEPERIKSAAN RADIO AMATUR 2007-2

Menurut Peraturan 26(2) Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan mengadakan Peperiksaan Radio Amatir kedua bagi tahun 2007 pada hari **Rabu, 28 November 2007**. Individu yang berminat dan berumur 14 tahun ke atas pada hari peperiksaan adalah dipelawa untuk mendudukinya. Butiran lengkap peperiksaan adalah seperti berikut:

Pusat Peperiksaan (Wilayah)	Tarikh & Masa Peperiksaan	Tarikh Permohonan dibuka	Tarikh Permohonan ditutup
Tengah, Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak	28 November 2007 Jam 2:00 Petang	10 September 2007	29 September 2007

Borang permohonan boleh diperolehi dari Ibu Pejabat SKMM, pejabat-pejabat wilayah SKMM dan melalui laman web SKMM di www.mcmc.gov.my. Sila tuliskan perkataan "**RAE 2007-2**" di sudut atas kiri sampul surat anda. Yuran peperiksaan adalah sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM 50.00)** dan perlu dijelaskan melalui **Wang Pos Malaysia, Kiriman Wang atau Deraf Bank tempatan** atas nama "**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**" sahaja dan disertakan bersama-sama borang permohonan. Sila kembalikan borang yang telah lengkap diisi ke pejabat wilayah SKMM yang sepadan menurut pusat peperiksaan yang dipilih.

Pilihan Pusat Peperiksaan	Alamat Pejabat Wilayah SKMM bagi penghantaran borang permohonan	Untuk dihubungi
UTARA	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Utara Unit 3, Aras 11, Menara UMNO 128, Jalan Macalister 10400 Georgetown Pulau Pinang	Puan Khalijah Ahmad Tel: 04-227 1657 Faks: 04-227 1650
TENGAH	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Tengah Aras 17, Wisma SunwayMas 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C Seksyen 9 40100 Shah Alam Selangor	Puan Asiah Borhan Tel: 03-5518 7706 Faks: 03-5518 7710
SELATAN	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Selatan Suite 7A, Aras 7, Menara Ansar, Jalan Trus 80000 Johor Bharu Johor	Puan Zaharah Tasrip Tel: 07-226 4700 Faks: 07-227 8700
TIMUR	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Timur B8004, Tingkat 1, Sri Kuantan Square Jalan Telok Sisek 25000 Kuantan Pahang	Encik Nazrul Syahril Salleh Tel: 09-515 0078 Faks: 09-515 7566
SABAH	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Sabah 6-10-10, Tingkat 10, No. 6, Menara MAA Lorong Api-Api 1, Api-Api Centre 88000 Kota Kinabalu Sabah	Puan Dian Anggraini Tel: 088-270 550 Faks: 088-253 205

Pilihan Pusat Peperiksaan	Alamat Pejabat Wilayah SKMM bagi penghantaran borang permohonan	Untuk dihubungi
SARAWAK	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Sarawak Aras 5 (Utara), Wisma STA 26, Jalan Datuk Abang Abdul Rahim 93450 Kuching Sarawak	Encik Gidah a/k Menon Tel: 082-346 500 Faks: 082-331 901

Pemohon-pemohon adalah dinasihatkan agar membaca dan memahami kesemua syarat-syarat yang dinyatakan di mukasurat 2 borang permohonan. Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui pos selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh peperiksaan. ***Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dari SKMM sehingga tarikh tersebut, adalah dinasihatkan untuk menghubungi Ibupejabat SKMM ditalian 03-8688 8247 (En. Mohd Nazir Osman) atau 03-8688 8371 (Puan Mas Binti Mohd Suki) untuk pengesahan.*** Alamat Ibu Pejabat SKMM adalah seperti berikut.

Ibupejabat
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan